

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 [RABU]**

**SOALAN : 136**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

(a) status rancangan pembinaan pelan janakuasa nuklear di negara ini; dan

(b) adakah akan berlaku pembatalan sekiranya terdapat banyak bantahan daripada rakyat Malaysia.

**JAWAPAN: (Oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri)**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Sehingga kini, Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan untuk pembinaan loji janakuasa nuklear di Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dari tahun 2011 hingga 2015, siri kajian yang telah dilaksanakan mengenai tenaga nuklear meliputi empat aspek utama, iaitu:

1. Kajian Perundangan dan Kawalseliaan, atau dengan izin, *Legal and Regulatory Study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kawalseliaan Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Regulatory Infrastructure Development Plan (NPRIDP)*;
2. Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*;
3. Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study* ; dan,
4. Kajian pendapat umum dan penyediaan Pelan Komunikasi Komprehensif mengenai tenaga nuklear.

(b) Untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), tumpuan utama adalah kepada komunikasi awam mengenai keperluan dan perbekalan tenaga negara, termasuk tenaga nuklear dan sumber-sumber tenaga lain. Komunikasi awam mengenai tenaga nuklear adalah berdasarkan kajian pendapat umum dan Pelan Komunikasi Komprehensif mengenai tenaga nuklear yang telah disediakan dari tahun 2015 hingga 2016.

Dalam konteks ini, Kerajaan akan mengambil masa yang diperlukan untuk meneliti tenaga nuklear secara bertanggungjawab. Proses ini dibuat kerana pihak Kerajaan hendak memastikan supaya keputusan yang dibuat nanti adalah keputusan terbaik dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.